



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 13 MAC 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	MAQIS DAPAT 1,300 ANGGOTA TAMBAHAN, DIBEKAL SENJATA, NASIONAL, BH -8 JADI MAKANAN HAIWAN DI ZOO, NASIONAL, SH -6 PROGRAM I-SDAR BANTERAS RASUAH, NEGARA, KOSMO -13	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	LEBIH 300 NELAYAN MENGELUH, PENDAPATAN TERJEJAS 50 PERATUS, NEGARA, KOSMO -14 362 NELAYAN BIMBANG PENDAPATAN TERJEJAS, NASIONAL, BH -21 300 NELAYAN BIMBANG SUMBER REZEKI TERJEJAS, NEGERI, SH -28 ALMA JENAMA MAKANAN HAIWAN BERKUALITI TINGGI, BISNES, HM -24 PROMISE OF INCENTIVES AND AID TO HELP URBAN FARMING PROJECTS EXPAND, NEWS, THE STAR -4 FRESH CHICKEN EGG PRICES DOWN DUE TO OVERSUPPLY, NATION, THE STAR -14 ORGANIC FARMING THE WAY TO GO, OPINION/NEWS, NST -11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

13/8/2021

BERITA  
HARIAN

NASIONAL

8

# MAQIS dapat 1,300 anggota tambahan, dibekal senjata

Langkah lancarkan penguatkuasaan, risikan di pintu masuk sempadan

Oleh Noorzura Abdul Rahman  
bhnews@hmetro.com.my

**Bukit Kayu Hitam:** Anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan dibekalkan senjata api selepas kerajaan meluluskan penggunaan 56 pistol bagi jabatan itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata MAQIS juga akan menerima 1,300 anggota baharu bagi melancarkan aktiviti penguatkuasaan dan risikan di pintu masuk sempadan negara.

Katanya, permohonan anggota baharu melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) itu sudah di huluskan secara prinsip berikutan jabatan berkenaan hanya mempunyai 545 anggota di seluruh negara termasuk 50 di Kedah.

"Kita juga memerlukan mesin pengimbas mudah alih tambahan di pintu sempadan bagi memudahkan anggota mengesan produk agrorakaman yang diimport dan dieksport.



Ronald (kanan) melancarkan Program Inisiatif Stakeholder Declaration Antrasuah (i-SDAR) pada lawatan kerja di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam, semalam. (Foto BERNAMA)

lakukan 17 kes rampasan produk pertanian di ICQS Bukit Kayu Hitam dengan nilai kompaun dikenali adalah RM75,000.

"Daripada itu, rampasan ayam sejuk beku sahaja lima kes iaitu sebanyak 242 tan dengan nilai kompaun sebanyak RM64,000," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, MAQIS akan menghantar kira-kira 240 tan ayam dan daging sejuk beku bernilai RMI.16 juta ke Zoo Negara sebagai kaedah pelupusan barang rampasan yang masih berada dalam simpanan sejuk beku jabatan itu.

"La akan dihantar ke Zoo Negara selepas siasatan dan kes di mahkamah selesai.

**Kita juga memperlukan mesin pengimbas mudah alih tambahan di pintu sempadan bagi memudahkan anggota mengesan produk agro makanan yang diimport dan dieksport.**

Ronald Kiang,  
Menteri Pertanian  
dan Industri Makanan

"Sebelum ini, MAQIS sudah menghantar barang rampasan sebanyak empat kali dengan nilai rampasan kira-kira RM400,000 untuk haiwan di sana.

"Selepas ini, kita akan hantar lagi barang rampasan ini secara berperingkat selepas selesai siasatan dan kes di mahkamah.

"Kita akan jadikan Zoo Negara sebagai tempat pelupusan barang rampasan kita seperti ayam dan daging secara berterusan," katanya.

Ditanya sama ada proses pelupusan itu akan dipindahkan ke zoo lain, Ronald berkata, pihaknya akan mempertimbangkan perkara itu jika terdapat keperluan di zoo lain.

# Jadi makanan haiwan di zoo

Ayam, daging sejuk beku yang dirampas Maqis di pintu sempadan negara akan dihantar ke Zoo Negara

Oleh WAN MOHD NOOR  
HAFIZ WAN MANSOR

**BUKIT KAYU HITAM**

Zoo Negara menjadi salah satu kaedah buat Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk melupuskan barangan yang dirampas di pintu sempadan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, antara barang rampasan yang dihantar ke Zoo Negara melibatkan ayam dan daging sejuk beku.

"Antara kaedah pelupusan (barang rampasan) adalah bagi kepada Zoo Negara untuk dijadikan makanan haiwan di sana.

"Telah dibuat (sebelum ini) dan akan diteruskan untuk melakukan pelupusan



Ronald (dua dari kiri) pada lawatan pertama melawat persediaan Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah pada Jumaat.

melalui kaedah demikian," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, pada Jumaat.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Maqis yang baru-baru ini telah mengagihkan barangan rampasan melitbakkan ayam dan daging sejuk beku kepada Zoo Negara.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, Maqis telah pun menghantar barang rampasan tersebut sebanyak empat kali dengan nilai kira-kira RM400,000.

"Masih terdapat kira-kira 240 tan ayam dan daging sejuk beku atau milanya RM1.16 juta berada di dalam simpanan sejuk beku dan akan dihantar ke Zoo Negara selepas siasatan dan kes di mahkamah selesai," katanya.

Pada 7 Mac lalu, media melaporkan Maqis menyimpan lebih lapan tan ayam beku kepada Zoo Negara sebagai bekalan makanan kepada haiwan di situ.

Sementara itu, Ketua Pengarahnya, Saiful Yazan Alwi berkata, keseluruhan ayam beku itu adalah hasil rampasan oleh pelbagai agensi penguat kuasa di sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan.



RONALD (tiga dari kiri) melihat demonstrasi urusan dijalankan Kaunter Maqis di Kompleks ICQS, Bukit Kayu Hitam, Kubang Pasu semalam.

Pegawai dan anggota Maqis akan ditambah

## Program i-SDAR banteras rasuah

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

**BUKIT KAYU HITAM** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) semalam melancarkan Program i-SDAR (Inisiatif Stakeholder Declaration Anti-Rasuah) sempena lawatan kerja ke pintu masuk Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, di sini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Khandee berkata, program i-SDAR ini atas inisiatif Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merupakan satu usaha daripada pemegang taruh iaitu kalangan ejen, pengimport dan pengeksport di mana satu ikrar diwujudkan.

"Secara tidak langsung mewujudkan amalan perniagaan bebas rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta pemantapan entiti perniagaan yang beretika.

"Dengan adanya ikrar ini, pemegang taruh dapat meningkatkan nilai integriti bersarna-sama dan seterusnya membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa," katanya.

Beliau berkata demikian se-

lepas melaksanakan lawatan kerja sulung ke pejabat Maqis di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Bukit Kayu Hitam semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, Azman Nasrudin serta Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi.

Dalam pada itu, beliau berkata, Maqis akan terus diperkasakan termasuk dari segi penambahan perjawatan dan pindaan kepada Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang berkaitan.

"Permohonan (MAFI) untuk menambah bilangan pegawai dan anggota Maqis telah diluluskan kerajaan.

"Kelulusan itu amat melegakan ketika Maqis ketika ini sememangnya berdepan kekangan kekurangan pegawai dan anggota dalam menguatkuasakan

undang-undang," katanya.

Menurutnya, ketika ini cuma terdapat 545 pegawai dan anggota Maqis di seluruh negara dengan 50 daripadanya ditempatkan di seluruh Kedah.

"Saya dimaklumkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali secara prinsipnya bersetuju dengan pertambahan sebanyak 1,300 pegawai dan anggota Maqis baharu.

"Bila pertambahan itu akan dilaksanakan, kami akan buat susulan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) nanti," katanya.

Jelas beliau, dalam usaha memperkasakan Maqis, sebanyak 56 pucuk pistol akan dibekalkan kepada jabatan itu.

"Cuma sekarang ini kita berdepan kekangan daripada segi peralatan. Sebagai contoh, kita cuma ada satu mesin X-ray mudah alih di seluruh negara yang amat efektif bagi mengesan barang-barang seludup terutamanya di dalam kontena.

"Mesin itu kini ditempatkan di Bukit Kayu Hitam dan tiada di tempat lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2021	KOSMO	NEGARA	14

## Lebih 300 nelayan mengeluh, pendapatan terjejas 50 peratus

**PORT DICKSON** – Lebih 300 nelayan mengeluh selepas mata pencarian mereka terjejas akibat projek Kemudahan Import Marin 2 (MIF2) di perairan Port Dickson yang telah dimulakan lebih sebulan lalu.

Mereka mendakwa kawasan projek MIF2 merupakan lubang ikan yang dikenali sebagai Karang Laut.

Seorang nelayan, Mohd Amin Rahim, 28 berkata, kawasan karang laut sebelum ini merupakan kawasan tumpuan nelayan di sini kerana banyak hasil laut tertumpu di lokasi berkenaan.

“Bila projek ini bermula pendapatan kami terjejas dan kami nelayan dilarang untuk masuk ke kawasan di situ.

“Sekarang ni projek belum siap sepenuhnya pun kami sudah tidak boleh masuk kawasan yang diletakkan boya,” katanya ketika ditemui di perairan Port Dickson di sini semalam.

Tambahnya, perkara itu secara tidak langsung menjejaskan pendapatan mereka hampir 50 peratus.

Seorang lagi nelayan, Hazim Pit, 67, pula mendakwa selain



**MOHD. ZULKIFLI** menunjukkan lokasi projek MIF2 yang didakwa menjejaskan pendapatan nelayan di perairan Port Dickson semalam.

pendapatan terjejas mereka juga terpaksa menanggung kerugian akibat peralatan rosak.

“Projek MIF2 akan membuatkan banyak kapal besar berlabuh di kawasan berhampiran dan menyebabkan jaring yang diturunkan rosak apabila terkena sauh kapal.

“Kos kerugian jaring yang rosak dianggarkan berharga RM800 untuk setiap satu,” jelasnya.

Menurut Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Port Dickson, Mohd. Zulkifli Mohd Taib, pihaknya telah meminta pampasan sebanyak RM6.5 juta kerana projek berkenaan menjejaskan pendapatan nelayan.

“Projek kekal itu akan memberi kesan kepada pendapatan 362 nelayan untuk selamanya kerana kawasan mereka mencari rezeki terganggu,” jelasnya.

13/3/2021

BERITA HARIAN

NASIONAL

21

# 362 nelayan bimbang pendapatan terjejas

Projek pasang paip minyak di dasar laut ganggu hasil tangkapan

Oleh Mohd Khidir Zakaria  
bhnews@bh.com.my

**Port Dickson:** Seramai 362 nelayan yang bernaung di bawah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Port Dickson bimbang dengan masa depan mereka berikutan projek tengah laut dijalankan sebuah syarikat minyak yang didakwa menjejaskan pendapatan golongan itu.

Azim Pti, 67, berkata sejak projek itu berjalan, keadaan berubah dan mereka kekurangan hasil tangkapan yang jika tidak ditangani segera, akan menjadi semakin buruk dan mereka bakal hilang punca pendapatan.

"Ini tempat kami (nelayan) cari makan dan bantahan sudah kami salurkan kepada kerajaan negeri, tetapi projek itu terus berjalan sejak tiga bulan lalu menyebabkan ikan semakin berkurangan.

"Projek pemasangan paip minyak baharu di dasar laut membatalkan kerja penggalian dan pengubahsuaian struktur dasar laut, menyebabkan pelepasan sisa toksik dan menyebabkan gas ammonia yang lama mendap di dasar laut, memusnahkan karang-karang (rumah ikan)," katanya ketika ditemui ketika tinjauan media bersama persatuan itu, semalam.

Seorang lagi nelayan, Aziz Ram-



Sebuah kapal dari syarikat minyak yang beroperasi membuat projek di dasar laut didakwa menjejaskan kehidupan nelayan. Port Dickson. (Foto: Mohd Khidir Zakaria/BH)

"Jaring saya pernah rosak terus hingga kerugian lebih RM800 hingga RM1,000 akibat dilanggar kapal. Saya harap mereka (syarikat terbabit) membayar sejumlah pampasan kepada semua nelayan di kawasan ini. Pendapatan kami sudah tidak menentu, ditambah masalah ini menyebabkan keadaan semakin buruk dan menjejaskan kehidupan nelayan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PNK Port Dickson, Mohd Zulkifli Mohd Taib, berharap kerajaan negeri menyelesaikan masalah itu, sekurang-kurangnya meminta pihak pemaju membayar pampasan kepada nelayan terbabit.

"Ini kehidupan nelayan, mereka bergantung kepada hasil ikan di laut. Keadaan sekarang pun sudah menunjukkan penurunan hasil tangkapan dan kami rasa tidak mustahil mereka hilang punca pendapatan tidak lama lagi.

"Nelayan tidak lagi boleh menangkap ikan di kawasan sekitar kapal projek syarikat minyak itu kerana diganggu dan karangan laut di kawasan itu juga musnah menyebabkan ikan lari ke tempat lain.

"Kami tidak membantah pembangunan, tetapi kena faham keadaan nelayan dan berharap pampasan dibayar kepada semua nelayan terjejas," katanya.



Mohd Zulkifli Mohd Taib

lan, 53, berkata sejak projek itu berjalan, banyak jaring ikan dipasangnya rosak dilanggar kapal pemaju yang keluar masuk di perairan itu.

# 300 nelayan bimbang sumber rezeki terjejas

Projek tambak laut dan pembinaan jeti pelabuhan didakwa menjejaskan mereka

Oleh NOR FARHANA YAACOB

**MBLAKA**

**L**ebih 300 nelayan termasuk nelayan berdaftar di perairan Tanjung Kling di sini gusar apabila mata terjejas akibat projek penambakan laut dan pembinaan jeti pelabuhan bernamiran Jeti Nelayan Kampung Hailam sejak awal bulan ini.

Mereka mendakwa projek di bawah Kumpulan Melaka Berhad (KMB) bagi pembinaan pelabuhan sepanjang 600 meter bermula Tanjung Bruas itu telah menyukarkan nelayan turun ke laut hingggakan ada di antara nelayan terpaksa menangkap ikan sehingga hampir ke Pulau Besar.

Ketua Komuniti Nelayan Tanjung Kling, Aziz Japar



Aziz dan Khairulazni menunjukkan jentera yang digunakan untuk menamatkan kerja-kerja cerucuk bagi pembinaan Jeti pelabuhan.

berkata, cadangan projek tersebut pernah dimaklumkan pihak berkenaan sejak tahun 2017, namun dalam tempoh itu tiada sebarang sesi dialog atau perbincangan yang diadakan dengan golongan nelayan sebelum projek itu dimulakan baru-baru ini.

Menurutnya, mereka bukan menghalang sebarang pembangunan, namun sekiranya pembangunan itu memberikan kesan negatif kepada pendapatan nelayan, sudah pasti mereka tidak akan menyokong.

“Memang kami kecewa, sepatutnya mereka bincang dan mendengar luahan atau cadangan nelayan agar projek pem-

angunan itu tidak mengganggu kawasan nelayan menangkap ikan”, katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kampung Hailam di sini pada Jumaat.

Tambahnya, beliau juga telah membuat laporan polis berhubung perkara itu dan berharap kerajaan negeri campur tangan dalam hal ini agar nasib nelayan terjaga.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Tanjung Kling, Khairulazni Baharuddin mengesahkan menerima aduan itu dan meminta kerajaan negeri segera menangani masalah ini supaya pihak berkenaan lebih prihatin dan mencari jalan penyelesaian terbaik.

13/3/2021

HARIAN  
METRO

BISNES

24

## ALMA jenama makanan haiwan berkualiti tinggi

**Kuala Lumpur:** FGV Holdings Bhd (FGV) melalui subsidiarinya, FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd melancarkan jenama makanan haiwan berkualiti tinggi, ALMA.

Ketua Pegawai Eksekutif Kurupulan, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, jualan domestik dedak isirong (PKE) dan produk makanan haiwan meningkat daripada 8,000 tan yang dicatatkan pada 2018 kepada 39,000 tan tahun lalu dengan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR) 121 peratus.

"Untuk 2021, FGV memperuntukkan 75,000 tan bersamaan dengan 20 peratus pengeluaran PKE tahunan kami bagi penghasilan makanan haiwan serta kami menyasarkan mencapai 150,000 tan menjelang 2024," katanya.

Menurutnya, berdasarkan statistik ruminan di Malaysia, petani tempatan memerlukan kira-kira 240,000 tan makanan haiwan setahun dan pada tahun lalu, FGV memenuhi 17 peratus daripada jumlah yang diperlukan.

"Kami akan dapat membekalkan kira-kira 60 peratus permintaan tempatan untuk makanan haiwan menjelang 2024," katanya dalam kenyataannya.

Menurutnya, FGV akan

**240,000**  
Tan makanan haiwan diperlukan petani setahun

terus menyokong industri makanan haiwan tempatan supaya industri itu boleh mampu diri.

Beliau berkata, rangkaian produk makanan haiwan ALMA itu adalah bebas antibiotik dan mengandungi formula yang sihat untuk daging lembu, makanan lembu tenusu, makanan kambing dan kambing biri-biri, ayam, makanan meneral semula jadi termasuk makanan tambahan untuk ternakan.

"Kami juga sudah mengadakan program pendedaran bagi memastikan makanan itu sampai kepada petani tempatan dengan berkesan di seluruh Semenanjung dan akan meningkatkan bilangan pengedar pada tahun ini," katanya.

Sementara itu, Haris Fadzilah berkata, FGV dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) sudah bekerjasama dalam membantu penternak haiwan tempatan yang terjejas akibat banjir di Selangor, Pahang, Kelantan dan Terengganu sebelum ini.

# Promise of incentives and aid to help urban farming projects expand

JOHOR government will support programmes that empower local communities, such as urban farming.

State education, information, heritage and culture committee chairman Mazlan Bujang said this after launching an urban farming project run by the disabled in Taman Tanjung Puteri Resort in Pasir Gudang.

The state government has given incentives so urban farming projects can be expanded further.

"It is the aim of the government to help any local community, especially in programmes that can kick-start their economy," said Mazlan.

He said the state government was also prepared to channel appropriate aid.

He noted that state agriculture, agro-based and rural development committee chairman Datuk Samsolbari Jamali had agreed for related government agencies to monitor urban farming projects.

"Some of the agencies involved are Mardi (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) and Fama (Federal Agricultural Marketing Authority).

"We can share technologies, knowledge and experience with



Mazlan (second from right) watering a long beans plant during the launch of the urban farm run by the disabled in Taman Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang.

the communities involved in urban farming to ensure the success of their ventures."

Mazlan also said that the state government had given the green light for community groups to apply for allocations for such projects through their local councils.

The Puteri Wangsa assemblyman said Pasir Gudang City Council had agreed to help the urban farming

project at the Taman Tanjung Puteri Resort.

"This is the first urban farm project that is run by the disabled in Johor Baru.

"If this pilot project is successful, we will replicate it in other districts," he added.

The urban farm is run by Persatuan Sokongan Kebajikan Wawasan Orang Kurang Upaya Johor Baru. — By REMAR NORDIN

# Fresh chicken egg prices down due to oversupply

PRICES of fresh chicken eggs have gone down due to oversupply in the market, according to *China Press*.

The daily reported that lower consumption and spending brought about by the Covid-19 pandemic had affected sales, with some dealers facing possible business closure.

The report quoted Selangor Egg Wholesalers Association president Low Hin Chung as saying that sales of fresh eggs dropped after the Chinese New Year season.

"People, including businesses and foreign workers, are buying less.

"We have more unsold eggs now and the price keeps dropping," he said, adding that the increased prices of imported chicken feed further compounded the situation.

"Farms, especially the smaller ones, have been making a loss and struggling to hold on," said Low.

He added that more farms would fold if the situation persisted.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia president Tan Chee Hee noted that the global prices of livestock feed had gone up since last August due to climate change that had affected harvests.

China's huge import of yellow beans and maize, which are used to make livestock feed, also caused prices to soar by more than 50%, he said.

> A new film by Namewee will premiere at the Golden Horse

Fantastic Film Festival in Taipei on April 9, *Guang Ming Daily* reported.

Translated as *Legend of the Nasi Lemak*, the sequel to 2011's *Nasi Lemak 2.0*, will be screened under the "politically (in)correct" category.

In the movie, Namewee plays a master chef who travels back in time with his nasi lemak to the Malay Sultanate era in Melaka during the Ming Dynasty.

## TOWARDS SELF-SUFFICIENCY

## Organic farming the way to go

**I**N the wake of the Covid-19 pandemic lockdown one-year anniversary, we realise the importance of securing global, regional and especially the local food supply chain.

We saw bountiful of local produce go to waste due to initial bans on transportation and lack of logistical coordination. Such scenarios encourage urban farming, not only to reduce carbon footprint from farm to table but also ensure self-sufficiency in cities.

Many households have ventured into aquaponic and small-scale farming of herbs and vegetables while working from home. Such practices should continue while the society and economy are recovering via the vaccination programme for herd immunity.

The concept of organic urban farming without the use of agrochemicals is well suited to modern society with high-quality and safe produce that are environmentally friendly. Organic farming emphasises integrated management and zero-waste to ensure environmental sustainability, in line with a circular economy to mitigate climate change.



**DR HOE-HAN  
KOH**

For example, biomass from agrowaste can be used to generate green energy. Biochar from rice straws can be used to remediate soil health. Probiotic enzymes from pineapples reduce antibiotics for chicken farming that provides organic fertilisers for the adjacent pineapple plantation.

Rearing of black soldier flies can help with composting agrowaste into biofertiliser while providing insect protein from larvae for animal feeds. An apiary of stingless bees not only produces honey for additional income and supply natural pollinator to increase crop yields, but also attracts natural enemies of pests.

Livestock care, crop yield and soil health are regarded as ecologically interrelated. Hence,

poultry farming, multiple cropping and agroecology with animals, crops and soil are treated as a single system. This is akin to biodynamic agriculture with the use of manure and compost instead of chemical fertiliser, pesticides and herbicides.

Other alternatives include biopesticides from natural products such as neem. Demand for organic produce is also increasing the world over with a global market value of RM160 million in 2017 and RM10 million in Malaysia with over 70 per cent imported. Much organic produce is needed to cater for the local demand.

In Malaysia, organic farming has been on the rise. Since the introduction of SOM certification (Skim Organik Malaysia) in 2003 and later rebranded to myOrganic in 2015, there are now 253 farms with over 2,200ha up to last year.

This includes the 0.8ha farm at Universiti Putra Malaysia to promote formal education and training of organic farming. The first local organic cocoa farm certified in January last year is located in Kunak, Sabah.

The myOrganic certification not only comprises agriculture



*The Folo Ban Foo Organic Farm in Johor. Organic farming without the use of agrochemicals is well suited to modern society with high-quality and safe produce that are environmentally friendly. FILE PIC*

but also apiculture, plant breeding and wild harvest. Certification and AllIance (CertAll) IFOAM accreditation is needed in addition to myOrganic certification for export to Australia, Canada, the EU, Asean and certain Middle Eastern countries.

The self-sufficiency levels in Malaysia will need to be boosted based on the 2018 and 2019 statistics of two per cent import increase with 7.6 per cent export decrease in fruits and vegetables. Hence, the promotion of organic farming for fruits and vegetables will also contribute to the targets of the 12th Malaysia Plan (2021-2025) that focuses on food security.

The current bottleneck is the lower productivity of organic farms and higher production costs due to it being labour-intensive and inefficient farm management. Hence, better

The writer is an Associate Professor at Universiti Kebangsaan Malaysia leading the Plant Functional Genomics Research Group